

# Suntikan modal RM20b rangsang pasaran saham

» MAHB yakin  
klia2 selamat  
untuk  
beroperasi

**P**engumuman suntikan modal sebanyak RM20 bilion oleh ValueCap Sdn Bhd ke dalam pasaran saham baru-baru ini memberikan kelegaan sementara kepada pasaran modal tempatan daripada situasi ketidakpastian.

ValueCap perlu membuktikan bahawa ia akan membuat keputusan pelaburan secara berhemat dan wajar, dan pada masa sama memaklumkan kemajuan yang dicapai dari semasa ke semasa.

**Kemas kini prestasi saham**  
Contohnya, maklumat prestasi saham yang dikemaskini setiap suku tahun perlu didedahkan.

Sama-samalah kita berharap agar ValueCap telus me-

mandangkan dana ini adalah milik awam dan bukannya milik pengurus dana atau syarikat awam.

Oleh itu, mereka juga harus mematuhi dan menjadi signatori kepada prinsip Kod Pelabur Institusi Malaysia yang mengandungi amalan terbaik termasuklah ketelusan dan tanggungjawab.

Menyentuh mengenai Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), kami masih menunggu perkembangan mengenai Caj Perkhidmatan Penumpang atau Passenger Service Charges (PSC).

#### **MAHB tingkat usaha**

Pada bulan lalu, MAHB menyatakan ia akan meningkatkan usaha untuk mendapatkan bayaran dengan melaksanakan haknya di bawah undang-undang ke atas syarikat penerbangan yang tidak membuat bayaran.

AirAsia pula memaklumkan bahawa mereka juga akan mengambil tindakan undang-undang.

MSWG memantau isu berkenaan termasuk cara penyelesaiannya.

Bagaimanapun, MSWG lebih cenderung sekiranya kedua-dua pihak dapat menyelesaikan isu berkenaan melalui komunikasi yang lebih baik atau menggunakan me-

kanisme resolusi pertikaian alternatif untuk menyelesaikan percanggahan mereka.

#### **Landasan selamat**

Selain itu, kami mengambil perhatian mengenai inisiatif yang dilaksanakan MAHB di klia2 yang dibangkitkan oleh pihak berkepentingan termasuk isu takungan air.

Menurut laman sesawang MAHB, ia telah melaksanakan prosedur bagi mendapan tanah dan penyelenggaraan landasan.

klia2 juga sudah membuat penilaian keselamatan oleh perunding bebas untuk mengesahkan bahawa terminal dan infrastruktur berkaitan adalah selamat untuk digunakan.

Daripada lawatan tapak

“**ValueCap juga harus mematuhi dan menjadi signatori kepada prinsip Kod Pelabur Institusi Malaysia yang mengandungi amalan terbaik termasuklah ketelusan dan tanggungjawab**”

yang diadakan, kami berpendangan bahawa MAHB sudah dan sedang mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan lapangan terbang berada di dalam keadaan yang baik.

Namun, ini bukan pandangan teknikal.

#### **Tangani isu segera**

Kami mengambil maklum bahawa terdapat banyak pendaratan dan pelepasan pesawat semasa tempoh lawatan berkenaan.

Sekurang-kurangnya, ia adalah cukup baik untuk menguruskan 500 pergerakan harian pesawat di lapangan terbang itu dengan tiga sistem landasan bebas dan 11 syarikat penerbangan yang beroperasi, serta jaminan MAHB bahawa aspek keselamatan tidak akan diabaikan.

Sebarang kebimbangan yang disuarakan pihak berkepentingan perlu ditangani dengan secepat dan sewajarnya oleh MAHB melalui penyampaian dan komunikasi berterusan dengan pihak berkepentingan secara berkualiti.



#### **Penulis**

ialah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti (MSWG)



**RITA BENOY  
BUSHON**